

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TAHAP  
KEINGINAN GRADUAN UNTUK BEKERJA  
SENDIRI**



**MOHD AZMIN BIN JOHARI**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI  
TAHAP KEINGINAN GRADUAN UNTUK BEKERJA  
SENDIRI**

**MOHD AZMIN BIN JOHARI**



**UMS**

**TESIS DISERAHKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL  
DENGAN KEPUJIAN (HUBUNGAN INDUSTRI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**


JUDUL : **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TAHAP KEINGINAN GRADUAN UNTUK BEKERJA SENDIRI**

IJAZAH : **SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **HUBUNGAN INDUSTRI**

Saya **MOHD AZMIN BIN JOHARI**, Sesi **2019-2022**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

**MOHD AZMIN BIN JOHARI**  
**BA19110369**

Disahkan Oleh,

**ANITA BINTI ARSAD**  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

(Dr. Noor Syakirah Binti Zakaria)  
Penyelia Utama

Tarikh : 12 Ogos 2022

## PENGAKUAN

Saya Mohd Azmin Bin Johari dengan ini mengakui bahawa Tesis Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian Hubungan Industri yang bertajuk "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri" adalah hasil usaha saya sendiri melainkan ringkasan dan petikan yang terdapat dalam kajian ini di mana setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



---

Mohd Azmin Bin Johari  
BA19110369  
Hubungan Industri  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Sabah

**12 Ogos 2022**

Tarikh

UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **MOHD AZMIN BIN JOHARI**  
NO. MATRIK : **BA19110369**  
TAJUK : **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TAHAP  
KEINGINAN GRADUAN UNTUK BEKERJA SENDIRI**  
IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
(HUBUNGAN INDUSTRI)**

### DISAHKAN OLEH;

Latihan ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian dalam bidang Hubungan Industri.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

*syakirah*

Penyelia Akademik  
Dr. Noor Syakirah Binti Zakaria  
Pensyarah Hubungan Industri  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Sabah

26 September 2022

Tarikh

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan Bismillahirrahmanirahim

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Noor Syakirah Binti Zakaria, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat serta bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan latihan ilmiah ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar dan mendidik saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah kursus Hubungan Industri di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak akan dapat dilupakan.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, En. Johari Bin Kumbong dan Pn. Rusnitha Binti Buy yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Seterusnya, di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Nur Affizan, Nurazira, Nur Atikah dan Nur Hanisah yang telah sama-sama mengharungi suka dan duka semasa menjalani enam semester dalam kursus Hubungan Industri.

Selain itu, ribuan terima kasih kepada rakan-rakan mantan Jakmas Kolej Kediaman Tun Mustapha iaitu Nor Aliah, Eliezer, Alyssa, Vera, Puteri, Awang dan Faiq yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama kepada saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Terima kasih kerana selalu ada semasa saya berada dalam kesusahan. Mereka adalah rakan terbaik yang pernah saya bekerjasama. Tanpa mereka mungkin saya tidak dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga penyelidikan dan latihan ilmiah ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Mohd Azmin Bin Johari

12 Ogos 2022

## ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keinginan graduan untuk bekerja sendiri. Kajian ini akan melihat tahap keinginan graduan untuk menceburi bidang pekerjaan sendiri. Seterusnya, mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi graduan untuk bekerja sendiri yang terdiri daripada faktor latar belakang, motivasi, sikap, kemahiran dan teknologi. Ia dilakukan untuk melihat faktor-faktor apakah yang akan mempengaruhi tahap keinginan graduan itu untuk bekerja sendiri. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian ini terdiri daripada 354 responden dalam kalangan graduan di IPT awam dan swasta di Kota Kinabalu, Sabah yang mempunyai keinginan dan minat untuk bekerja sendiri bagi menjawab borang soal selidik. Borang soal selidik ini diedarkan menggunakan pautan *Google Form* kepada 354 responden secara rawak melalui media sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook*, *Telegram*, dan *Instagram* pengkaji. Data yang diperoleh melalui soal selidik akan dianalisis menggunakan SPSS versi 28. Berdasarkan analisis deskriptif yang dilakukan, faktor-faktor yang mempengaruhi graduan untuk bekerja sendiri adalah pada tahap yang tinggi, manakala tahap keinginan graduan untuk bekerja sendiri juga pada tahap yang tinggi. Selain itu, analisis kolerasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dan tahap keinginan graduan untuk bekerja sendiri dengan mencatatkan nilai kolerasi yang tinggi. Bagi analisis regresi pelbagai pula telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang signifikan terhadap tahap keinginan graduan untuk bekerja sendiri. Oleh itu, hipotesis kajian iaitu ( $H_3$ ) sikap, ( $H_4$ ) kemahiran dan ( $H_5$ ) teknologi adalah diterima yang mana wujud hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keinginan graduan untuk bekerja sendiri.

Kata Kunci: Faktor-Faktor Mempengaruhi, Tahap Keinginan, Graduan, Bekerja Sendiri.

## **ABSTRACT**

*The purpose of this study is to examine the factors that influence the level of graduates to continue as freelances (self-employed). This study will study the level of graduates to continue as self-employed based on their desired field. Next, researcher will identify the factors that influence the graduates to work as self-employed that consists of 5 factors which are, background factors, motivation, attitude, skills, and technology. This study was conducted using a methodology quantitative approach. The sample of this study consists of 354 respondents among fresh graduates in public and private universities in Kota Kinabalu, Sabah that was interested in doing self-employed. Other than that, this questionnaire was given to 354 random respondents using a Google Form link via social medias such as WhatsApp, Facebook, Telegram, and Instagram. The data that were obtained through the questionnaire were analyzed using a statistical software called SPSS (version 28). Based on the descriptive analysis that were carried out, the factors that influence the level of graduates to continue as freelances are on a high-level while the level of graduates to work as self-employed and freelances are also high. In addition, the correlation analysis shows that there is a relationship between the factors that influence the graduates to work as self-employed with a high value of correlation. As for the multiple regression analysis, it was found that there are several significant factors on the level of graduates to work as self-employed. Therefore, there are three hypothesis that were accepted, which are (H<sub>3</sub>) attitude, (H<sub>4</sub>) skills and (H<sub>5</sub>) technology. It was stated that there were correlation or relationship between the three factors that influence the level of graduates to work as self-employed.*

*Keywords: Factors Influence, Level of Desire, Graduates, Self-employed.*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	ii
<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	viii-xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii-xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang	1-2
1.2 Permasalahan Kajian	3-4
1.2.1 Kajian Berkenaan Dengan Hubungan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Untuk Bekerja Sendiri Masih Lagi Terhad	4-5
1.2.2 Kajian Berkenaan Dengan Tahap Keinginan Untuk Bekerja Sendiri Adalah Terhad	5-6
1.2.3 Kajian Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Untuk Bekerja Sendiri Perlu Lebih Komprehensif	6-8
1.2.4 Kajian Graduan Melakukan Pekerjaan Bekerja Sendiri Sebagai Lualan Kerjaya	8-9
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Skop Kajian	9-10
1.6 Kepentingan Kajian	10-11
1.7 Definisi Istilah	11

1.7.1	Bekerja Sendiri	11
1.7.2	Graduan	11
1.7.3	Faktor-Faktor Keinginan	11
1.7.4	Latar Belakang	12
1.7.5	Motivasi	12
1.7.6	Sikap	12
1.7.8	Kemahiran	12
1.7.9	Teknologi	13
1.8	Susunan Bab	13-14
1.9	Rumusan	14

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Bekerja Sendiri	15
2.2.1	Definisi dan Konsep Bekerja Sendiri	15-16
2.2.2	Ciri-Ciri Bekerja Sendiri	16-18
2.3	Konsep Keinginan	18-19
2.3.1	Keinginan Terhadap Bekerja Sendiri	19-20
2.4	Kerjaya	20
2.4.1	Definisi dan Konsep Kerjaya	20-22
2.5	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Untuk Bekerja Sendiri	22-24
2.5.1	Faktor Latar Belakang	24-26
2.5.2	Faktor Motivasi	26-27
2.5.3	Faktor Sikap	27-28
2.5.4	Faktor Kemahiran	29-30
2.5.5	Faktor Teknologi	30-31
2.6	Kepentingan Bekerja Sendiri	31-33
2.7	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Bekerja Sendiri	34-35
2.8	Kerangka Konseptual	36

2.9	Hipotesis Kajian	37
2.9	Rumusan	37

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
	3.2.1 Pendekatan Kaedah Kuantitatif	39-40
3.3	Responden dan Persampelan Kajian	40-41
3.4	Lokasi Kajian	41
3.5	Kaedah Kajian	42
	3.5.1 Soal Selidik	42
3.6	Instrumen Kajian	42-44
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	45-46
3.8	Pengukuran Pemboleh Ubah Kajian	47
	3.8.1 Bahagian A : Demografi Responden	48
	3.8.2 Bahagian B : Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	48-49
	3.8.3 Bahagian C : Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Graduan Untuk Bekerja Sendiri	49-51
	3.8.4 Bahagian D : Kesan Graduan Bekerja Sendiri	51-52
3.9	Teknik Penganalisan Data	52-55
3.10	Rumusan	55

### **BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	56
4.2	Demografi Responden	56
	4.2.1 Jantina	57
	4.2.2 Umur	57-58
	4.2.3 Keturunan	58-59
	4.2.4 Pekerjaan	59
	4.2.5 Pendapatan	60
	4.2.6 Status	61

4.2.7	Tahap Pendidikan	61-62
4.2.8	Berminat Untuk Bekerja Sendiri	62
4.2.9	Mempunyai Keluarga Melakukan Pekerjaan Bekerja Sendiri	63
4.2.10	Mempunyai Pengalaman Dalam Bidang Keusahawanan	64
4.3	Analisis Deskriptif Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	65
4.3.1	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	65-67
4.3.2	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	67-78
4.3.3	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kesan Graduan Bekerja Sendiri	78-80
4.3.4	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Keseluruhan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Untuk Bekerja Sendiri	81
4.4	Analisis Korelasi Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi dan Tahap Keinginan Graduan untuk Bekerja Sendiri	82
4.5	Analisis Regresi Pelbagai Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	83
4.5.1	Rumusan Modal Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	83-84
4.5.2	Analisis ANOVA Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	84-85
4.5.3	Pengaruh Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	85-86
4.6	Keputusan Hipotesis	86
4.7	Rumusan	87

## **BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	88
5.2	Ringkasan Kajian	88-90
5.3	Perbincangan Kajian	91
5.3.1	Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	91-95
5.2.2	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan	95-99

	Untuk Bekerja Sendiri	
5.4	Implikasi Kajian	99
	5.4.1 Implikasi Teoritikal	100
	5.4.2 Implikasi Metodologi	101
	5.4.3 Implikasi Praktikal	102
5.5	Batasan Kajian	102-103
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	104-105
5.7	Rumusan Bab	105-106
	<b>RUJUKAN</b>	107-117
	<b>LAMPIRAN</b>	118-127



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Rangka Mengenai Item-Item yang Disoal dalam Borang Soal Selidik	43
Jadual 3.2 : Pemilihan Jawapan Mengikut Skala Likert Lima Mata	44
Jadual 3.3 : Item Bahagian B	48-49
Jadual 3.4 : Item Bahagian C	50-51
Jadual 3.5 : Item Bahagian D	52
Jadual 3.6 : Kaedah Analisis Data	53
Jadual 3.7 : Skala Skor Min dan Interpretasi	54
Jadual 3.8 : Interpretasi Kekuatan Kolerasi	54
Jadual 4.1 : Taburan Kekerapan Mengikut Jantina	57
Jadual 4.2 : Taburan Kekerapan Mengikut Umur	57
Jadual 4.3 : Taburan Kekerapan Mengikut Keturunan	58
Jadual 4.4 : Taburan Kekerapan Mengikut Pekerjaan	59
Jadual 4.5 : Taburan Kekerapan Mengikut Pendapatan	60
Jadual 4.6 : Taburan Kekerapan Mengikut Status	61
Jadual 4.7 : Taburan Kekerapan Mengikut Tahap Pendidikan	61
Jadual 4.8 : Taburan Kekerapan yang Berminat Untuk Bekerja Sendiri	62
Jadual 4.9 : Taburan Kekerapan yang Mempunyai Keluarga Melakukan Pekerjaan Bekerja Sendiri	63
Jadual 4.10 : Taburan Kekerapan yang Mempunyai Pengalaman Dalam Bidang Keusahawanan	64
Jadual 4.11 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	66
Jadual 4.12 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Latar Belakang	68-69
Jadual 4.13 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Motivasi	70-71
Jadual 4.14 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Sikap	72-73
Jadual 4.15 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Kemahiran	74-75
Jadual 4.16 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Teknologi	77
Jadual 4.17 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kesan Graduan Bekerja Sendiri	79
Jadual 4.18 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Keseluruhan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	81

Jadual 4.19	: Analisis Korelasi Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi dan Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	82
Jadual 4.20	: Rumusan Model Hubungan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	83
Jadual 4.21	: Analisis ANOVA Hubungan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	84
Jadual 4.22	: Pengaruh Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	85
Jadual 4.23	: Ringkasan Keputusan Hipotesis	86



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Kerangka Konseptual Kajian Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Graduan Untuk Bekerja Sendiri	36
Rajah 3.1 : Jadual untuk Menentukan Saiz Sampel untuk Populasi Terhadap	40
Rajah 3.2 : Prosedur Pengumpulan Data	46
Rajah 3.3 : Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	47



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI SINGKATAN

<b>IPT</b>	-	Institut Pendidikan Tinggi
<b>SPSS</b>	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
<b>Ph.D</b>	-	Ijazah Doktor Falsafah
<b>UMS</b>	-	Universiti Malaysia Sabah



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

		Page
Lampiran A	: Borang Soal Selidik	118-125
Lampiran B	: Surat Permohonan Melakukan Kajian	126
Lampiran C	: Keputusan Turnitin	127



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang

Perkembangan aliran bekerja sendiri ini semakin meningkat di seluruh dunia dan sikap positif terhadap trend baharu ini akan menyumbang kepada pengurangan kemiskinan dan pengangguran di kalangan graduan (Jolanta & Matgorzata, 2018). Ini berbeza dengan tanggapan Mohamed dan Khaleequzzaman (2017), sebelum ini yang menyatakan bahawa bekerja sendiri hanya memperoleh gaji rendah dan hanya sesuai untuk pekerja yang diberhentikan atau bersara, serta mereka yang bekerja sendiri kebanyakannya berada dalam keadaan miskin. Oleh itu, keputusan untuk bekerja sendiri akan dipengaruhi oleh pelbagai keadaan, termasuk pengangguran graduan, kesukaran untuk mencari pekerjaan yang bergaji tinggi, kepuasan kerja, sifat personaliti, berdikari, dan sebagainya. Bekerja sendiri mungkin lebih disukai kerana faedah yang diberikannya, terutamanya apabila ganjarannya yang besar dan lumayan (Amalina & Hajah, 2017).

Keputusan seseorang graduan untuk bekerja sendiri dipengaruhi oleh beberapa faktor. Menurut Kristyna Sosnova (2020), terdapat banyak kajian telah menunjukkan bahawa ciri-ciri ini penting dalam kedua-dua memberi inspirasi dan tidak menggalakkan orang ramai daripada bekerja sendiri. Bekerja sendiri adalah menarik kerana unsur-unsur motivasi yang wujud dalam pekerjaan tersebut (Ahmad Firdause & Mohd Rafi, 2017). Sebagai contoh, potensi keuntungan sedia ada mungkin menarik individu muda untuk menubuhkan perniagaan mereka sendiri. Begitu juga, pendapatan yang rendah atau persekitaran kerja yang tidak memuaskan akan menjadikan pekerjaan bergaji kurang menarik.

Dalam menjalankan pekerjaan sendiri seperti perniagaan, seseorang usahawan mempunyai pelbagai visi dan tujuan. Menurut Junaidi dan Mohd Amirul (2020), bukanlah perkara yang mudah untuk menjadi usahawan berjaya, tetapi ia juga tidak mustahil untuk dicapai. Oleh itu, memenuhi matlamat penyertaan mereka dalam bidang perniagaan memerlukan pengorbanan dan gabungan kekuatan yang pelbagai (Iwu, Muresherwa, & Eresia-eke, 2020). Pelbagai faktor yang mempengaruhi telah disiasat dengan teliti untuk

melakukan pekerjaan sendiri, terutamanya bagi mereka yang mungkin berminat untuk menjalankan pekerjaan ini.

Menurut Fabeil (2022) hasil penyelidikan mereka telah menghasilkan rangka kerja yang memfokuskan pada pembolehubah yang mempengaruhi keputusan seseorang untuk bekerja sendiri atau memulakan perniagaan, seperti latar belakang, motivasi, sikap, kemahiran dan teknologi atau kebolehan dalam penciptaan perniagaan. Bekerja sendiri boleh membawa kebahagiaan ekonomi di samping meningkatkan utiliti seseorang. Semakin tinggi kualiti kerja, semakin tinggi tahap kepuasan.

Menurut Rosna dan Norasmah (2018) terdapat kajian yang mendapati bahawa kebahagiaan bekerja sendiri adalah lebih baik daripada kepuasan kerja dengan sebuah syarikat, dan oleh itu lebih ramai orang memilih untuk bekerja secara bebas. Orang yang mempunyai pengalaman yang lebih besar atau yang lebih tua daripada mereka yang lebih muda lebih cenderung untuk bekerja sendiri kerana ia merupakan pelaburan berterusan yang menuntut keazaman yang kuat untuk terus bekerja.

Menurut World Employment Social Outlook (2018) bekerja sendiri adalah dianggap sebagai sesuatu yang murni dan sangat baik oleh masyarakat ramai pada masa kini. Ini dikatakan demikian kerana lebih ramai usahawan dilahirkan, lebih banyak inovasi dan kaedah baharu akan dihasilkan daripada mengatur pengeluaran. Dengan adanya bekerja sendiri ini, bukan sahaja menyediakan diri mereka dengan pekerjaan, mereka juga menyediakan peluang pekerjaan serta mengaji orang lain (Bosma & Kelley, 2019)

Ini mewujudkan pertumbuhan ekonomi dan bilangan yang lebih banyak bekerja sendiri akan meningkatkan persaingan dan kecekapan (Mohd Shafry, 2020). Jika digabungkan, ini akan meningkatkan pendapatan sebenar dalam masyarakat pada hari ini. Oleh itu, graduan mungkin mempunyai perspektif dan reaksi yang berbeza-beza terhadap tingkah laku bekerja sendiri yang diperlukan. Menurut Nurul Aida dan Lai Wei Sieng (2020) ia bergantung kepada didikan dan ciri-ciri lain kerana seseorang mungkin mempunyai sikap yang baik atau negatif tentang bekerja sendiri.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Apabila penularan COVID-19 melanda negara hari ini, ia telah memberi tamparan hebat kepada semua orang, terutamanya graduan yang bakal memasuki alam pekerjaan. Menurut Liguori dan Winker (2020), banyak perusahaan swasta, khususnya syarikat swasta, terpaksa memilih untuk berhenti bekerja, menyebabkan graduan yang baru tamat pengajian tidak mempunyai peluang untuk terus bekerja atau menimba pengalaman dan kemahiran.

Selain itu, kadar gaji yang diberikan sangat rendah dan tidak relevan dengan kelulusan para graduan serta persekitaran kerja yang tidak menyenangkan. Hal ini dikatakan kerana hanya 54% graduan mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM2,000 (Ramli, Mohd Zain, Razik & Yaacob, 2017). Oleh itu, ini yang menyebabkan graduan berasa tidak berpuas hati akibat daripada perkara ini. kebanyakan kes tekanan kerja yang tinggi berlaku dalam pekerjaan, tetapi gaji tidak seimbang dengan pekerjaan yang dilakukan. Hal ini telah menyumbang kepada berlakunya pergerakan pekerja profesional Malaysia ke negara perindustrian, yang terkenal dengan pendapatan tinggi, persekitaran kerja yang sangat baik, dan suasana yang sihat menyenangkan (Te, Tie Seng, Arnida & Abdullah, 2019).

Seterusnya, salah satu punca pengangguran graduan adalah kelulusan yang tidak memenuhi keperluan industri atau tidak bersesuaian dengan pasaran kerja. Menurut Liguori dan Winker (2020), permintaan pasaran dan ekonomi menyebabkan ketidakpadanan kerja berlaku dalam kalangan graduan. Graduan yang mempunyai kelulusan tinggi akan mengalami krisis dan terpaksa kekal menganggur untuk jangka masa yang lebih lama. Menurut Mohd Shafry (2020), setiap perniagaan mesti mahu memastikan aktiviti ekonominya adalah seefisien mungkin. Tambahan pula, beberapa ahli kelas atasan mendakwa bahawa universiti itu tidak lagi dianggap sebagai "kabel" untuk graduan untuk terus mencari pekerjaan yang baik. Graduan hari ini mesti pandai menguruskan diri mereka secara bijak selepas tamat pengajian.

Akhir sekali, punca terbesar berlakunya pengangguran dalam kalangan graduan adalah sikap individu yang ada pada setiap graduan itu yang terlalu memilih pekerjaan mereka. Graduan pada masa kini terlalu mementingkan standard, dan mereka lebih cenderung memilih pekerjaan yang baik dan mengikut pilihan mereka tersendiri, walaupun mereka tidak mempunyai kelayakan terhadap pekerjaan yang mereka pilih (Te, Tie Seng, Arnida & Abdullah 2019). Lebih teruk lagi, mereka memilih pekerjaan yang tersasar jauh dari kursus pengajian universiti mereka. Akhirnya, menurut Omar, Halim, Anuar, Mat, Ahmad dan Mohamad (2018), mereka lebih suka kekal menganggur daripada bekerja sebagai kerani atau pekerjaan yang lain kerana ia dilihat kurang atau tidak layak dengan segulung ijazah yang mereka perolehi.

Individu tidak akan melakukan sesuatu perkara yang berisiko jika ia tidak memberi kepentingan yang seharusnya diinginkan oleh individu tersebut (Nur Thuraya & Hawati, 2020). Oleh itu, graduan haruslah tidak terlalu memilih kerjaya yang sepadan dengan mereka kerana bekerja di dunia sebenar mungkin memberi pengalaman yang berharga sebelum memasuki bidang pekerjaan yang diinginkan. Kemungkinan kerja yang datang kepada seseorang individu itu harus dilihat sebagai peluang untuk belajar dan berkembang.

### **1.2.1 Kajian Berkenaan Dengan Hubungan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Untuk Bekerja Sendiri Masih Lagi Terhadap**

Matlamat utama kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan graduan untuk menceburi bidang pekerjaan sendiri. Secara amnya, unsur-unsur yang memberi kesan kepada kedua-duanya adalah melalui persekitaran dan elemen dalaman seseorang individu (Tarila Iman & Zubair, 2017). Faktor dalaman individu, seperti motivasi, sikap, dan sejarah keluarga, antara faktor yang akan mempengaruhi individu untuk bekerja sendiri. Bagi persekitaran pula adalah seperti faktor teknologi, kemudahan korporat dan sebagainya mungkin dianggap sebagai pengaruh luar.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Khadeeja, Sayang Nurshahrizleen dan Idris (2017), mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kecenderungan seseorang untuk bekerja sendiri, termasuk ciri psikologi seperti dedikasi, daya saing, kecenderungan mengambil risiko, pengaruh persekitaran dan faktor lain seperti latar belakang keluarga, ciri sosiobudaya, kemahiran pengurusan dan penggunaan strategi pemasaran, kemudahan pinjaman, subsidi kerajaan, dan hubungan rangkaian perniagaan.

Selain itu, Chin Hui Lin dan Kok Ban Teoh (2021), keputusan seseorang untuk bekerja sendiri didorong oleh pelbagai pembolehubah, termasuk keperluan asas, persekitaran, demografi, dan persepsi masyarakat. Manakala menurut Suhaila dan Rooshihan Merican (2017), mendapati beberapa elemen, termasuk faktor keluarga dan hubungan, pendedahan awal kepada ciri-ciri keusahawanan, pencapaian akademik, motivasi, teladan, dan wang tunai untuk memulakan perniagaan, yang mempengaruhi seseorang untuk melakukan pekerjaan bekerja sendiri.

Menurut Ilesanmigbenga Joseph (2017), mengenalpasti beberapa elemen utama yang mempengaruhi seseorang untuk bekerja sendiri, seperti kemudahan teknologi, orientasi matlamat, keperibadian, dan motivasi, yang mendorong seseorang memilih kerjaya dalam

bidang ini. Pencapaian dari aspek akademik, umur dan pengalaman kerja membentuk tiga pembolehubah terakhir berkaitan pembangunan. Di samping itu, Razak dan Abdullah (2018), menyatakan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang individu bekerja sendiri di era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) adalah individu yang mempunyai kemahiran dari aspek teknologi serta alatan teknologi yang semakin canggih memudahkan lagi pengurusan dalam melaksanakan pekerjaan bekerja sendiri.

Lima faktor secara keseluruhan telah dipilih untuk kajian ini sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan graduan untuk bekerja sendiri berdasarkan faktor pendorong yang telah diwujudkan oleh pengkaji sebelum ini. Lima faktor tersebut merangkumi elemen latar belakang, motivasi, sikap, kemahiran dan teknologi. Berdasarkan faktor-faktor yang dikenalpasti ini, menunjukkan bahawa tiada faktor yang konsisten dalam mempengaruhi keinginan untuk bekerja sendiri. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk menguji samada hubungan faktor-faktor terpilih akan mempengaruhi keinginan graduan untuk melakukan pekerjaan bekerja sendiri.

### **1.2.2 Kajian Berkenaan Dengan Tahap Keinginan Untuk Bekerja Sendiri Adalah Terhad**

Kajian mengenai tahap keinginan graduan untuk bekerja sendiri sebagai pilihan kerjaya mereka adalah sangat terhad. Hal ini kerana menurut Nurul Liyana, Nurulhayah dan Haziq (2020), kajian ini kurang mendapat sambutan dalam kalangan penyelidik untuk mengkaji berkaitan keinginan graduan bekerja sendiri. Selain itu, mereka juga mengatakan bahawa terdapat topik-topik yang lebih menarik untuk dikaji oleh para penyelidik semasa penularan COVID-19 ini yang menyebabkan kajian mengenai bekerja sendiri ini tidak dilakukan dan mengakibatkan segala maklumat mengenainya adalah sangat terhad.

Namun, kajian ini semakin menarik untuk dikaji memandangkan situasi sekarang menunjukkan bahawa statistik pengangguran dalam kalangan graduan semakin meningkat pada masa ini (Statistik Siswazah, 2021). Menurut Junaidi dan Mohd Amirul (2020), ini adalah isu yang teruk, terutamanya bagi negara yang sedang membangun. Ini kerana, semasa kegawatan ekonomi, perbelanjaan sesebuah negara mesti dipotong dan kutipan cukai perlu ditingkatkan. Menurut Mohamed dan Khaleequzzaman (2017), akibat daripada isu ini, perusahaan yang menjalankan perniagaan di negara ini akan menghadapi kos yang lebih

tinggi dan akan menyekat pengambilan buruh serta memberhentikan pekerja untuk mengurangkan kos.

Hal ini menyebabkan graduan sangat kreatif untuk mencipta atau menghasilkan peluang pekerjaan (Razak & Abdullah, 2018). Mereka mesti memikirkan semula, memulihkan dan meningkatkan pengurusan kewangan mereka berdasarkan isu dan ketidakpastian hari ini. Menurut Intan Syazlina (2022) graduan perlu memahami cabaran yang dihadapi oleh mereka yang terjejas dan yang ingin menubuhkan perniagaan, khususnya melalui platform digital, mendorong graduan untuk lebih agresif dalam meneroka peluang yang membolehkan lebih ramai golongan muda menghasilkan produk yang inovatif dan bekerja sendiri. Oleh itu, kajian mengenai keinginan bekerja sendiri perlu dilakukan oleh para penyelidik untuk dapat mengetahui lebih lanjut berkaitan faktor, kesan dan sebagainya mengenai bekerja sendiri agar graduan serta masyarakat memperoleh maklumat penting untuk diri mereka.

### **1.2.3 Kajian Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Untuk Bekerja Sendiri Perlu Lebih Komprehensif**

Kajian berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keinginan graduan untuk bekerja sendiri menunjukkan kajian ini telah banyak dilakukan, Walau bagaimanapun menurut Junaidi dan Mohd Amirul (2020), tinjauan terhadap literatur menunjukkan bahawa setiap graduan mempunyai pilihan, dan setiap orang berhak membuat keputusan yang akan menguntungkan mereka dalam jangka masa yang panjang. Menurut Nurul Aida dan Lai Wei Sieng (2020) sebilangan kecil graduan lebih cenderung memilih bekerja untuk diri mereka sendiri dan bukannya untuk majikan. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang mengambil keputusan untuk bekerja sendiri memandangkan ia tidak mahu dipimpin oleh sesiapa dan ia lebih berminat dalam perniagaan dan keusahawanan.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keinginan graduan untuk melakukan pekerjaan sendiri adalah latar belakang, motivasi, sikap, kemahiran dan kemajuan teknologi yang menyebabkan seorang graduan lebih suka untuk bekerja sendiri daripada bekerja bersama majikan (Kristyna Sosnova, 2020). Faktor latar belakang memainkan peranan penting dalam mendorong graduan untuk melakukan pekerjaan sendiri (Muhammad Izzat Akhmal, Nurazwa & Nor Kamariah, 2020). Pengaruh sejarah kekeluargaan dan akademik seseorang terhadap pertumbuhannya dalam membangunkan kerjayanya sendiri, seperti memulakan perniagaan, adalah tanggapan latar belakang dalam penyelidikan ini. Salah satu